

# Najib jamin tambahan tapak IKM.

PEKAN, Rabu.— Kerajaan Negeri sanggup menawarkan tapak 8 hektar yang diperlukan oleh Institut Kemahiran Mara di sini untuk projek pembesaran kawasan latihannya dengan harga khas.

Menteri Besar, Datuk Najib Tun Razak menjelaskan, kawasan tambahan itu membolehkan IKM menampung lebih ramai pelatih dan menambah jurusan latihan.

Di masa ini, IKM hanya dapat menampung kira-kira 600 pelatih dalam 14 jurusan. Dengan kawasan baru itu IKM bercadang men-

ingkatkan kemasukan pelatih kepada 1,200 orang.

Beliau berkata, sektor industri yang semakin pesat bukan sahaja memerlukan pegawai-pegawai atasan yang berijazah, bahkan mereka yang mahir dan terlatih.

Beliau berucap di majlis penyampaian sijil IKM dan mini expo latihan di IKM di sini semalam.

Beliau berpendapat, semua IKM perlu diperbesarkan untuk menampung kehendak sektor perkilangan.

Adalah menjadi kehendak sektor perkilangan dan industri

mendapatkan tenaga mahir.

Sementara itu, Datuk Najib yakin punca-punca baru yang sedang dicari untuk meningkatkan lagi hasil Negeri Pahang akan dapat membantu Kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek yang dirancang meskipun ia menghadapi bahang kemelesetan ekonomi dunia.

Beliau berharap punca-punca baru sama ada untuk jangka pendek atau panjang akan dapat mengurangkan bilangan projek-projek yang mungkin terjejas akibat kemelesetan itu.

Kerajaan Negeri, katanya, sedang mengkaji semula semua projek yang dirancang dan menentukan projek-projek yang perlu diberi keutamaan.

## Keutamaan

Bercakap kepada para pemberita di sini petang semalam, Datuk Najib bagaimanapun memberi jaminan projek-projek sosio-ekonomi untuk faedah rakyat tetap akan diteruskan.

Beliau tidak menolak kemungkinan beberapa projek terpaksa ditangguhkan dan beberapa lagi diketepikan.

Di samping projek-projek yang perlu diutamakan, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji kemampuan mendapatkan punca-punca baru untuk menambah hasil pendapatan negeri.

Beliau memberi jaminan Kerajaan Nege-

ri akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengelakkan sebarang penangguhan projek kecuali projek-projek itu tidak mendatangkan faedah besar.

Menteri Besar itu berkata, adalah terlalu awal untuk beliau menyebut tentang punca-punca baru yang sedang diusahakan oleh kerajaan itu.